

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **YB. DATO' WIRA MOHD JOHARI  
BAHAROM**

**KAWASAN** : **KUBANG PASU**

**TARIKH** : **7 APRIL 2015 (SELASA)**

**NO. SOALAN** : **21**

YB DATO' WIRA MOHD JOHARI BAHAROM [ KUBANG PASU ] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan tentang Dasar Automotif Nasional (DAN) yang telah digubal oleh Kementerian itu. Apakah dasar itu menguntungkan pengguna atau semata-mata mahu menjaga kepentingan pengeluar dan pemilik AP kereta daripada luar negara. Jika DAN adalah dasar pragmatik, apakah harga kereta/kenderaan akan diturunkan secara berperingkat dan apakah jenis-jenis kenderaan yang terlibat di dalam penurunan harga itu.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Dasar Automotif Nasional (NAP) 2014 mengambil kira kepentingan semua pihak yang terlibat dalam industri automotif tempatan. Dasar dan langkah-langkah yang diperkenalkan di bawah NAP 2014 bertujuan membangunkan industri automotif tempatan yang lebih kompetitif dan berdaya saing, di samping membangunkan Malaysia sebagai hab automotif serantau bagi segmen kenderaan bertenaga efisien (EEV) menjelang tahun 2020. Selain itu, ia juga menjaga kepentingan pengguna dengan menawarkan kenderaan yang selamat dan berkualiti pada harga yang berpatutan.

Oleh yang demikian, di bawah NAP 2014, satu rangka kerja yang dibahagikan kepada beberapa hala tuju dan strategi telah dikenal pasti dan merangkumi teras-teras seperti pelaburan, teknologi dan kejuruteraan serta peluasan pasaran. Selain itu, bagi mengukuhkan lagi ekosistem industri automotif tempatan, terdapat tiga strategi yang direncanakan di bawah NAP 2014 seperti berikut:

- (i) pembangunan rantai pembekal komponen dan alat ganti;
- (ii) pembangunan modal insan; dan
- (iii) pembangunan aspek keselamatan dan alam sekitar.

Langkah-langkah baharu ini digariskan supaya selari dengan perubahan teknologi dan perkembangan terkini industri automotif serantau dan global supaya Malaysia terus menjadi destinasi keutamaan bagi pelaburan dan juga pembangunan teknologi baharu dan terkini.

Tuan Yang Di Pertua,

Kesan daripada usaha liberalisasi industri automotif, syarikat pengeluar kenderaan tempatan telah mula mengambil langkah untuk meningkatkan daya saing masing-masing melalui penambahbaikan operasi pengeluaran supaya menjadi lebih cekap dan seterusnya dapat mengurangkan kos pengeluaran.

Ia juga telah mewujudkan persaingan harga kenderaan yang lebih sengit di pasaran tempatan. Sebagai contoh, sepanjang tahun 2014, terdapat penurunan harga bagi beberapa lagi model kenderaan penumpang, iaitu antara 9 hingga 29 peratus. Penurunan harga kenderaan pada tahun 2014 ini dianggarkan telah meliputi 80 peratus daripada jumlah jualan kenderaan. Bagi tahun 2015, purata penurunan harga yang telah dicapai sehingga kini adalah sebanyak 2.77 peratus.

**NO. SOALAN: 22**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [ BAYAN BARU ]**

**TARIKH : 7 APRIL 2015**

**RUJUKAN : 7621**

**SOALAN:**

**Tuan Sim Tze Tzin [ Bayan Baru ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah pekerja Bangladesh telah berjaya mendapat Pas Pekerja (*Employment Pass*) yang diluluskan oleh Kementerian Dalam Negeri dari 2009-2014. Nyatakan jumlah mengikut kategori-kategori pas pekerja.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman, jumlah pekerja warganegara Bangladesh yang telah mendapat kelulusan Pas Pekerja (*Employment Pass*) bagi tahun 2009 hingga 2014 adalah seperti berikut:-**

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah (orang)</b>
<b>2009</b>	<b>1,447</b>
<b>2010</b>	<b>1,878</b>
<b>2011</b>	<b>1,706</b>
<b>2012</b>	<b>2,781</b>
<b>2013</b>	<b>4,300</b>
<b>2014</b>	<b>21,432</b>